ANTAMACRO SDN BHD

lwn.

KUALA DIMENSI SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURIYADI HALIM OMAR H
[GUAMAN SIVIL NO: MT1-22-56-1997]
30 MEI 2005

PROSEDUR SIVIL: *Masa - Perlanjutan masa - Permohonan plaintif untuk lanjutan masa serta menghidupkan semula writ saman terhadap defendan - Sama ada alasan munasabah diberikan oleh plaintif - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 3 k. 5, A. 35 k. 1*

Ini merupakan suatu permohonan plaintif di bawah A. 3 k. 5 dan A. 35 k. 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') bagi perintah lanjutan masa serta menghidupkan semula writ saman terhadap defendan yang sebelum ini telah dibatalkan oleh mahkamah.

Diputuskan:

[1] Alasan yang material ataupun yang munasabah harus diberikan oleh plaintif bagi menyokong permohonan lanjutan masa di bawah A. 3 k. 5 KMT. Alasan plaintif bahawa peguamcaranya yang terdahulu tidak menerima notis tunjuk sebab adalah tidak material serta tidak munasabah untuk mahkamah menjustifikasikan budibicaranya bagi melanjutkan tempoh permohonan ini. Alasan sebenarnya ialah plaintif sendiri gagal untuk melantik peguamcara baru semenjak ia memberi arahan kepada peguamcara terdahulu bahawa plaintif akan melantik firma guaman lain untuk mengendalikan tindakan ini. (ms 108 g & 110 h)

[2] Kebiasaannya, permohonan bagi menghidupkan semula sesuatu tuntutan atau tindakan yang dibatalkan akan dibenarkan apatah lagi jika tiada bantahan. Persoalan kes semasa ialah sama ada ketidakhadiran peguamcara plaintif sewaktu tarikh pendengaran disengajakan ataupun tidak dan adakah alasan yang material diberi atas ketidakhadiran itu. Meneliti keseluruhan fakta kes semasa, adalah sangat jelas bahawa sewaktu notis tunjuk sebab dikeluarkan, plaintif masih belum melantik peguamcara baru untuk menggantikan peguamcara terdahulu. Alasan yang dikemukakan bahawa peguamcara terdahulu tidak menerima surat kerana telah berpindah pejabat adalah satu tindakan 'mencuba nasib' oleh plaintif dengan harapan defendan hanya menjadi penonton dalam permohonan ini. (ms 111 a, g-h)

[3] Kelewatan plaintif meneruskan tindakan di dalam kes ini semenjak 1997 serta kelewatan plaintif bagi memfailkan permohonan ini setelah empat bulan penghakiman diberi tanpa alasan yang munasabah sudah cukup untuk membuktikan ketidakendahan plaintif di dalam keseluruhan kes semasa. Writ saman plaintif adalah berkenan permohonan bagi pelaksanaan spesifik terhadap perjanjian jual beli tanah. Adalah sangat prejudis kepada defendan jika mahkamah membenarkan permohonan plaintif di peringkat ini. Maka, tanpa sebarang kesangsian permohonan plaintif ditolak. (ms 112 a-b)

Kes-kes yang dirujuk:

Gan Kim Kiat Bros Reality Sdn Bhd v. Leang Ah Kan [1983] 1 CLJ 298; [1983] CLJ (Rep) 558 HC ***(dirujuk)***

Hewlett Packard Sales (Malaysia) Sdn Bhd v. Active Team Mould Engineering Sdn Bhd & Ors [2003] 5 CLJ 167 HC ***(dirujuk)***

MBf Finance v. Alluwi Salleh t/a ABS Enterprise & Anor [2002] 2 CLJ 133 HC ***(dirujuk)***

Ratnam v. Cumarasamy [1965] MLJ 226 ***(dirujuk)***

Savill v. Southend Health Authority [1995] 1 WLR 1254 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 3 r. 5, O. 25 r. 1(1), (4), O. 34 r. 8(2), O. 35 r. 1(1)

Bagi plaintif - Allen Miranda; T/n AI Nathan & Isa Aziz Ibrahim
Bagi pihak defendan - Janice Leo; T/n Shook Lin & Bok

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajh

PENGHAKIMAN

Suriyadi Halim Omar H:

Ini adalah suatu permohonan oleh plaintif bagi perintah lanjutan masa serta menghidupkan semula writ saman, melalui saman dalam kamar (en. 20) yang difailkan pada 17 Mei 2004. Permohonan ini dibuat setelah saya membatalkan writ saman plaintif pada 19 Januari 2004 di bawah A. 34 k. 8(2) KMT. Permohonan plaintif ini telah didengar pada 28 Febuari 2005 dan telah ditolak dengan kos.

Fakta Dan Kronologi Kes

Secara ringkasnya, pada 30 September 2003, timbalan pendaftar saya telah mengeluarkan notis tunjuk sebab kepada kedua-dua peguamcara di dalam tindakan ini. Notis tunjuk sebab ini dikeluarkan setelah kes ini tidak aktif semenjak 13 Mei 1998 (5 tahun 4 bulan). Bagi memahami kenapa tindakan ini tidak aktif semenjak tarikh tersebut, berikut diperturunkan kronologi kes ini:

4 Februari 1997	Writ saman dan penyata tuntutan difailkan.
28 Februari 1997	Defendan memfailkan memorandum kehadiran.
18 Mac 1997	Penyata pembelaan dan tuntutan balas difailkan.
8 April 1997	Jawapan pembelaan dan tuntutan balas difailkan.
28 Mei 1997	Defendan memfailkan penghakiman terus di atas tuntutan balas di bawah A. 14 (en. 6) dan, permohonan untuk membatalkan writ saman plaintif di bawah A. 18 (en. 7) serta afidavit sokongan bagi kedua-dua permohonan oleh Idris bin Mat Jani.
9 Jun 1997	Afidavit jawapan plaintif yang diikrarkan oleh Jeffrey Eu untuk menjawab kedua-dua permohonan defendan.
20 Jun 1997	Afidavit jawapan defendan yang diikrarkan oleh Idris bin Mat Jani.
30 Jun 1997	Defendan memfailkan saman dalam kamar untuk meminda en. 6 dan en. 7 dan afidavit sokongan oleh peguam defendan Steven Thiruneelakandan.
31 Mac 1997	En. 7 dibatalkan oleh penolong kanan pendaftar dan en. 6 telah ditetapkan untuk bicara pada 13 Mei 1998.
13.5.1998	Kes tidak disenaraikan.

Pada peringkat ini, peguamcara defendan telah menulis surat kepada mahkamah sebanyak tiga kali bagi mendapatkan tarikh pendengaran baru bagi pendengaran permohonan penghakiman terus atas tuntutan balas mereka (en. 6). Surat-surat tersebut dikemukakan di dalam afidavit jawapan defendan (en. 17, eks. "A1") bertarikh 15 Mei 1998, 9 Jun 1998 dan 19 Mac 1998. Selepas daripada itu, tiada tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak bagi meneruskan tindakan ini sehinggalah notis tunjuk sebab dikeluarkan oleh mahkamah sendiri pada 30 September 2003.

Berdasarkan notis tersebut, tarikh pendengaran telah ditetapkan pada 19 Januari 2004. Pada tarikh tersebut, peguamcara plaintif mahupun plaintif tidak hadir manakala peguamcara defendan, Janice Loo telah hadir. Pada peringkat ini Janice Loo telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa pliding dalam tindakan ini disifatkan tutup pada atau lebih kurang 7 April 1997. Oleh kerana tiada sebarang tindakan oleh plaintif pada peringkat ini, maka defendan telah

membuat permohonan untuk penghakiman terus bagi tuntutan balasnya (en. 6) dan permohonan untuk membatalkan writ saman plaintif (en. 7) secara serentak pada 28 Mei 1997.

Walaubagaimanapun, permohonan en. 7 telah dibatalkan oleh mahkamah disebabkan bantahan awal plaintif pada 31 Mac 1998, manakala, permohonan en. 6 telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 13 Mei 1998. Tiada rayuan yang dibuat oleh defendan terhadap pembatalan en. 7 tersebut. Pada 13 Mei 1998, pendengaran bagi en. 6 ini telah tidak disenaraikan oleh mahkamah dan sehingga itu ia tidak aktif sehinggalah mahkamah mengeluarkan notis tunjuk sebab. Berdasarkan kedudukan kes ini, saya telah memutuskan bahawa permohonan en. 6 oleh defendan ditetapkan pada 3 Mac 2004 manakala, tindakan substantif (writ saman plaintif) dibatalkan kerana kegagalan meneruskan tindakan/want of prosecution. Pengurusan kes pra bicara di bawah A. 34 ditetapkan pada 8 April 2004.

Alasan-alasan Plaintif

Permohonan plaintif (en. 20) ini telah disokong oleh afidavit peguamcaranya (en. 19), yang menyatakan bahawa, Tetuan A I Nathan & Isa Aziz Ibrahim telah dilantik untuk mengambil alih kes ini dan notis penukaran peguamcara telah difailkan pada 3 Mac 2005. Seterusnya, afidavit sokongan ini menyatakan bahawa peguamcara plaintif terdahulu iaitu Tetuan KC Yap & Partners telah tidak hadir di mahkamah pada 19 Januari 2004 kerana tidak meneriman notis tunjuk sebab dari mahkamah.

Merujuk kepada afidavit Low Peck Lim, peguamcara plaintif terdahulu (di kepilkan bersama en. 19), beliau menyatakan bahawa pada 9 Jun 1998, firmanya, Tetuan KC Yap & Partners telah mengambilalih kes plaintif daripada Tetuan Ho dan Rakan-Rakan. Walaubagaimanapun, pada 1 Ogos 2001, wakil plaintif yang bernama Eu Khong Wee telah memberi arahan kepada firmanya bahawa plaintif akan melantik firma guaman lain. Seterusnya, segala kertas-kertas kausa kes ini telah diserahkan kepada wakil plaintif tersebut untuk tindakan lanjut beliau, dan sesalinan surat dari firma Tetuan KC Yap telah dikeluarkan bagi mengesahkan perkara ini (afidavit Low Peck Lim, eks. "LPL1").

Di sebalik kedudukan ini, pada 27 Januari 2004, peguamcara defendan, Tetuan Shook Lin & Bok telah menghantar surat (afidavit Low Peck Lim, eks. "LPL2") memaklumkan bahawa tindakan plaintif di dalam kes ini telah ditolak oleh mahkamah di dalam satu prosiding tunjuk sebab pada 19 Januari 2005. Encik Low kemudiannya telah meminta agar peguamcara defendan memberikannya salinan notis tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Merujuk kepada notis tersebut, Encik Low mendapati bahawa notis tersebut telah dialamatkan kepada alamat pejabat lama Tetuan KC Yap & Partners yang kini diduduki oleh bekas rakan kongsi Encik Low sendiri.

Sehubungan dengan itu, En Low telah mengarahkan seorang kerani dari firmanya yang bernama Encik Azlan bin Mohamad untuk pergi ke alamat pejabat lama dan bertanyakan tentang notis tunjuk sebab tersebut. Encik Azlan melalui afidavitnya yang difailkan bersama-sama afidavit sokongan plaintif (en. 19) menyatakan bahawa pada 28 April 2004, beliau telah pergi ke alamat pejabat lama tersebut dan telah diberitahu bahawa mereka tidak ada menerima notis yang dimaksudkan.

Berdasarkan keterangan-keterangan dari afidavit Low Peck Lim dan Azlan Mohammad ini, plaintif telah memohon perintah lanjutan masa di bawah A. 3 k. 5 KMT 1980, yang memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah melanjutkan atau memendekkan tempoh dalam mana seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh kaedah-kaedah ini, atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan, melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.

Manakala, relief kedua di dalam permohonan plaintif adalah untuk menghidupkan semula writ saman serta tindakan ini, berdasarkan peruntukan A. 35 k. 1(1) KMT yang menggariskan bahawa semasa prosiding perbicaraan, apabila kedua-dua pihak atau salah satu daripadanya gagal hadir maka, sesuatu tindakan itu boleh dibatalkan daripada senarai tanpa menjejaskan, walaubagaimanapun, pemasukannya semula ke dalam senarai, atas arahan hakim.

Bantahan Defendan

Defendan berhujah bahawa perintah bertarikh 19 Januari 2004 telah diberi oleh mahkamah kerana kegagalan plaintif untuk meneruskan tindakan. Seterusnya menerusi afidavit jawapan (en. 17), defendan menyatakan bahawa plaintif telah menunjukkan sifat tidak berminat secara umumnya di dalam tindakan ini kerana gagal untuk mengambil sebarang langkah untuk meneruskan tindakan semenjak 1997.

Bagi membuktikan dakwaannya, defendan menyatakan bahawa setelah plaintif memfailkan afidavit jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas defendan pada 7 April 1997, pliding telah disifatkan sebagai tutup pada 21 April 1997. Plaintif seharusnya meneruskan tindakan mereka dengan memfailkan saman minta arahan dalam masa sebulan berdasarkan A. 25 k. 1(1) KMT 1980, iaitu pada atau sebelum 21 Mei 1997, namun plaintif tidak mengambil sebarang tindakan dalam jangkamasa tersebut.

Di atas kegagalan plaintif mematuhi peruntukan A. 25 k. 1(1) KMT inilah, defendan telah memfailkan saman minta arahan berdasarkan A. 25 k. 1(4) KMT bagi memohon penghakiman terus di atas tuntutan balasnya (en. 6) dan juga permohonan bagi membatalkan writ saman plaintif (en. 7). Walaubagaimanapun, di atas bantahan awal plaintif, en. 7 telah dibatalkan sementara en. 6 kemudiannya telah ditetapkan untuk pendengaran pada 13 Mei 1998. Semenjak daripada tarikh tersebut, tindakan ini telah tidak disenaraikan oleh mahkamah dan telah tidak aktif sehinggalah mahkamah mengeluarkan notis tunjuk sebab yang bertarikh 30 September 2003.

Seterusnya, bagi menjawab alasan peguamcara plaintif terdahulu (afidavit Low Pek Lim) yang menyatakan bahawa mereka tidak menerima notis tunjuk sebab dari mahkamah kerana telah berpindah pejabat. Peguamcara defendan, Janice Loo telah berhujah bahawa ianya adalah kecuaian peguamcara tersebut kerana tidak memaklumkan kepada mahkamah tentang penukaran alamat baru mereka.

Defendan juga telah merujuk kepada afidavit Low Pek Lim sendiri yang mengakui bahawa pada 1 Ogos 2001, wakil plaintif, Eu Khong Wee telah memberi arahan bahawa plaintif akan melantik firma guaman lain. Sepucuk surat pengesahan tentang perkara ini dan pemberian segala kertas-kertas kausa kepada wakil plaintif tersebut juga telah dikeluarkan oleh Tetuan KC Yap & Partners dan dieksibitkan sebagai "LPL1" di dalam afidavit tersebut.

Berdasarkan surat tersebut, Tetuan KC Yap telah dengan jelas memaklumkan kepada plaintif bahawa mereka tidak akan menghadiri mahkamah bagi mewakili plaintif lagi. Oleh itu, defendan mendakwa bahawa daripada 1 Ogos 2001 sehinggalah notis penukaran peguamcara oleh Tetuan AI Nathan & Isa Aziz Ibrahim difailkan pada 3 Mac 2004, plaintif telah tidak melantik peguamcaranya selama 2 tahun 7 bulan. Malah, perlantikan Tetuan AI Nathan & Isa Azizi Ibrahim juga dibuat selepas mahkamah membatalkan writ saman plaintif pada 19 Januari 2004.

Berdasarkan fakta-fakta ini, defendan menyatakan bahawa telah berlaku kelewatan yang melampau oleh plaintif di dalam mendakwa tuntutan ini yang menunjukkan ketiadaan *bona fide* untuk meneruskan tuntutannya. Seterusnya, defendan juga berhujah bahawa tiada sebarang alasan yang diberikan oleh plaintif tentang kenapa tindakan ini tidak aktif semenjak 1997, bagi menyokong permohonan mereka untuk menghidupkan semula wit saman yang telah dibatalkan

Isu Lanjutan Masa

Menyentuh tentang budibicara mahkamah bagi membenarkan lanjutan masa di bawah peruntukan A. 3 k. 5 KMT 1980. Merujuk kepada kes *Ratnam v. Cumarasamy* [1965] MLJ 226, Hakim Guest telah menggariskan perlunya mahkamah menjustifikasikan sesuatu permohonan bagi lanjutan masa seperti berikut:

> The Rules of Court must *prima facie* be obeyed, and in order to justify a court in extending the time during which some step in procedure requires to be taken there must be some material upon which the court can exercise its discretion. If the law were otherwise, a party in breach would have an unqualified right to an extension of time which would defeat the purpose of the rules which is to provide a time table for the conduct of litigation.

Seterusnya di dalam kes *Savill v. Southend Health Authority* [1995] 1 WLR 1254 mahkamah rayuan telah mengatakan bahawa prinsip yang betul untuk digunakan di dalam permohonan lanjutan masa adalah sepertimana yang telah diputuskan oleh Hakim Guest di dalam *Ratnam*.

Sebagai tambahan, saya juga ingin merujuk kepada kes *MBf Finance v. Alluwi Salleh T/A ABS Enterprise & Anor* [2002] 2 CLJ 133 yang menerangkan tentang budibicara mahkamah serta faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam membenarkan atau menolak sesuatu permohonan lanjutan masa:

> Presently, 'the grant of extension of time is (still) discretionary to be exercised by the Judge in each particular case' (see *Lee Lan v. Lim Yoon Loy & Ors* [1991] 3 CLJ 2393; [1991] 1 CLJ (Rep) 251, per Harun Hashim SCJ; see also *Lee Guat Eng v. Tan Lian Kim* [1985] 2 MLJ 196,197). But, the factors to be considered (it being the general framework for exercising that discretion) are (a) the length of delay, (b) the reasons for the delay, (c) the chances of the appeal succeeding, (d) the degree of prejudice to the would be respondant if the application is granted". (those factors were first outlined by Chan Sek Keong J (as he hen was) in *Hau Kee Wee & Anor v. Chua Kian Tong & Anor* [1987] 2 MLJ 146 and followed by the Singapore Court of Appeal in *Pearson v. Chen Chien Wen Edwin* [1991] 3 MLJ 208, which in turn was followed by the Court of Appeal in *Ling Siok Seng v. Ting Sieh Chung* [1998] 4 CLJ 169).

Berdasarkan kes-kes yang dinyatakan tentang lanjutan masa ini, adalah jelas sekali, alasan yang material ataupun yang munasabah harus diberikan oleh plaintif bagi menyokong permohonan lanjutan masa ini.

Berbalik kepada permohonan ini, satu-satunya alasan yang diberi oleh plaintif untuk mendapatkan perintah lanjutan masa ini ialah, firma peguamcara plaintif terdahulu tidak menerima notis daripada mahkamah yang memaklumkan tentang pendengaran tunjuk sebab pada 19 Januari 2004, kerana telah berpindah pejabat.

Meneliti kepada alasan plaintif ini, ianya adalah bercanggah dengan kenyataan peguamcara terdahulu di dalam afidavit yang difailkan bersama afidavit sokongan plaintif (en. 19). Merujuk kepada perenggan 1(b) afidavit bekas peguamcara plaintif tersebut beliau telah menyatakan seperti berikut:

> (b) Pada 01.08.01, wakil plaintif iaitu Encik Eu Khong Wee ("Encik Eu") telah memberi arahan kepada firma saya bahawa plaintif akan melantik firma guaman lain untuk mengendalikan tindakan tersebut di atas. Pada tarikh yang sama Encik Eu telah mengambil segala kertas-kertas kausa daripada pejabat saya untuk tindakan lanjut beliau. Sesalinan surat firma saya melampirkan kertas-kertas kausa yang telah diterima oleh Encik Eu ditunjuk kepada saya dan dilampirkan di sini sebagai eksibit LPL-1.

Bagi lebih memahami perenggan 1(b) ini, berikut diperturunkan surat daripada Tetuan KC Yap & Partners kepada Encik Eu yang dieksibitkan sebagai "LPL1":

KC YAP & PARTNERS

Suite A-23, 2nd. Floor, Podium A, Plaza Pekeliling
Jalan Tun Razak, Off Jalan Ipoh,
50400 Kuala Lumpur

Our ref: KCY/L/0113/98
Date 01.08.2001

Antamacro Sdn Bhd
Wisma PMSAA
103-105, Jalan Kem
Port Klang 42000

Selangor

Dear Sir,

Re: High Court of Malaya at Shah Alam Suit No: MT2-22-56-1997
Antamacro Sdn Bhd v. Kuala Dimensi Sdn Bhd

We refer to the meeting between your Mr Jeffrey Eu and our Mr WL Tang today.

We comfirm to that you wish to engage another firm of solicitar to handle the aforesaid matter. In the circumstances, please prevail upon your new solicitors to file and serve their notice of change of solicitors on us soonest possible.

Please fine enclosed here a copy of the following documents for your further action:

(a) Writ of Summons and Statement of Claim dated 04.02.97.

(b) Memorandum of appearance dated 28.02.97.

(c) Defence and counter claim dated 18.03.97.

(d) Reply and defence to counter claim dated 07.04.97.

(e) Summons in chambers dated 28.05.97 for summary judgment (Encl. 6).

(f) Summons in chambers dated 28.05.97 for striking out (Encl. 7).

(g) Affidavit of Idris bin Mat Jani affirmed on 26.05.97.

(h) Affidavit of Jeffrey Eu Khong Wee affirmed on 06.06.97.

(i) Affidavit of Idris bin Mat Jani affirmed on 20.06.97.

(j) Summons in chambers dated 30.06.97 for amendment of encl. 6 & 7.

(k) Notice of change of solicitors dated 05.06.98.

Please take note that we will not be attending court on your behalf effective from this day onwards. We further state that we have earlier furnished you oral opinion and we further enclosed here a chronology of events and brief notes for your information.

We further confirm that there are no further charges payable.

Yours faithfully

-sgnd. -

Meneliti surat ini, adalah amat jelas Tetuan K C Yap & Partners telah menjelaskan bahawa mereka tidak lagi akan menghadiri mahkamah bagi pihak plaintif berkuatkuasa pada 1 Ogos 2001. Mereka juga telah meminta plaintif mengarahkan peguamcara barunya memfailkan notis penukaran peguamcara secepat yang mungkin dan menyerahkan satu salinan notis tersebut kepada mereka. Walaubagaimanapun, plaintif hanya melantik peguamcara yang baru pada 3 Mac 2004 iaitu kira-kira 2 tahun 7 bulan dari tarikh surat di atas dikeluarkan. Lebih dari itu, perlantikan peguamcara dibuat hanya selepas mahkamah membatalkan writ saman plaintif pada 19 Januari 2004.

Berdasarkan kedudukan ini, alasan yang dikemukakan oleh plaintif untuk melanjutkan masa kerana peguamcara plaintif terdahulu tidak menerima notis tunjuk sebab adalah tidak material serta tidak munasabah untuk mahkamah menjustifikasikan budibicaranya bagi melanjutkan tempoh permohonan ini. Alasan yang sebenarnya ialah plaintif sendiri gagal untuk melantik peguam baru semenjak mereka memberi arahan kepada firma Tetuan KC Yap & Partners bahawa plaintif akan melantik firma guaman lain untuk mengendalikan tindakan ini.

Isu Menghidupkan Semula Writ Saman

Kebiasaannya, permohonan bagi menghidupkan semula sesuatu tuntutan atau tindakan yang dibatalkan akan dibenarkan apatah lagi jika tiada bantahan. Di dalam kes *Gan Kim Kiat Bros Reality Sdn Bhd v. Leang Ah Kan* [1983] 1 CLJ 298; [1983] CLJ (Rep) 558, Hakim Peh Swee Chin menggariskan seperti berikut:

> Any application for restoration or reinstatement should normally be granted readily by the court unless the absence of the plaintif was either intentional or contumacious.

Seterusnya di dalam *Hewlett Packard Sales (Malaysia) Sdn Bhd v. Active Team Mould Engineering Sdn Bhd & Ors* [2003] 5 CLJ 167, Hakim Vincent Ng telah menggariskan perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan di dalam memutuskan sesuatu permohonan untuk menghidupkan semula sesuatu tindakan, seperti berikut:

> In an application for reinstatement two questions, in the interests of the due administration of justice, falls to be considered, namely:
>
> (1) whether the non-attendance at the hearing of the matter was culpable; and
>
> (2) whether the applicant tendered or presented sufficient material in his application, to show that he has a plausible or arguable defence/claim.
>
> On the second question, three pre-eminently trite principles have to be borne in mind in an application for reinstatement. Firstly, an applicant could not require a court to reinstate a struck out matter as of right it is not merely a matter of partaking in an automatic formal exercise before the Judge, with the opponent as spectator. Secondly, reinstatement involves an exercise of the court's discretion. Thirdly, there must be sufficient material before the court to enable it to found the exercise of its discretion.

Berdasarkan kes-kes yang dikemukakan diatas, saya harus meneliti samada ketidakhadiran peguamcara plaintif sewaktu tarikh pendengaran tersebut disengajakan ataupun tidak dan adakah alasan yang material diberi atas ketidakhadiran ini.

Meneliti keseluruhan fakta di dalam kes ini, adalah sangat jelas bahawa sewaktu notis tunjuk sebab dikeluarkan, plaintif masih belum melantik peguamcaranya untuk menggantikan firma Tetuan KC Yap & Partners. Alasan yang dikemukakan bahawa peguamcara plaintif terdahulu tidak menerima surat kerana telah berpindah pejabat adalah satu tindakan 'mencuba nasib' oleh plaintif dengan harapan defendan hanya menjadi penonton dalam permohonan ini.

Kesimpulan

Kelewatan plaintif meneruskan tindakan di dalam kes ini semenjak 1997 serta kelewatan plaintif bagi memfailkan permohonan ini setelah 4 bulan penghakiman diberi, tanpa alasan yang munasabah, sudah cukup untuk membuktikan ketidakendahan plaintif di dalam keseluruhan kes ini. Writ saman plaintif adalah berkenaan permohonan bagi perlaksanaan spesifik terhadap perjanjian jual beli tanah bertarikh 7 November 1995. Berdasarkan kepada fakta-fakta didalam kes ini, adalah sangat prejudis kepada defendan jika mahkamah membenarkan permohonan plaintif di peringkat ini. Tanpa sebarang kesangsian saya telah menolak permohonan plaintif ini.